

Berapa kerapkah pemeriksaan ini perlu dijalankan?

Pemeriksaan ini perlu dijalankan setiap tahun oleh wanita apabila ia mula aktif dengan seks. Wanita yang berisiko tinggi atau pernah mendapat keputusan tidak normal perlu mengulangi pemeriksaan ini 6 bulan sekali seperti yang dinasihatkan oleh doktor.

Bilakah masa yang sesuai untuk menjalankan pemeriksaan Pap Smear?

Ujian ini boleh dijalankan bila-bila masa selepas haid. Sekiranya anda telah menjalankan pembedahan pembedahan rahim anda tidak perlu menjalankan pemeriksaan ini



Berapa lamakah keputusannya akan diketahui?

Memandangkan ujian ini perlu di periksa dengan teliti di makmal ianya mengambil masa selama 2 minggu untuk di ketahui.

Apakah yang boleh di ketahui melalui ujian Pap Smear?

Kebanyakan wanita keputusan mereka adalah normal. Bagi sesetengah wanita sel-sel ini mungkin tidak normal dan akan menunjukkan peringkat awal kanser. Pemeriksaan ini juga dapat mengesan keadaan tidak normal tetapi tidak berbahaya seperti jangkitan yang boleh menyebabkan rasa tidak selesa sekiranya tidak di rawat.

Bagaimana sekiranya terdapat tanda-tanda awal kanser?


Ini tidak bermakna anda menghidap kanser tetapi anda perlu merujuk kepada doktor pakar sakit puan untuk pemeriksaan lanjut:

- ▼ Colposcopy – sejenis mikroskop khas yang di gunakan untuk melihat bahagian dinding serviks dengan lebih jelas.
- ▼ Biopsi – Sedikit tisu akan diambil dan di periksa di bawah mikroskop dan keputusan yang tepat akan diperolehi.



Ingat

Lakukan Pemeriksaan Pap Smear Hari Ini.



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia
Women's Cancer Detection & Breast Clinic
66 Jalan Raja Muda Abdul Aziz
50300 Kuala Lumpur
Tel: 03-2698 7351 Fax: 03-2698 2087

PAP SMEAR



Pengesanan Awal Kanser Serviks Menyelamatkan Nyawa



Apakah pemeriksaan Pap Smear?

Pap Smear ialah pemeriksaan pengesanan awal kanser pangkal rahim (leher rahim). Sekiranya pengesanan awal di buat penyakit ini masih dapat diselamatkan.

Mengapa

Pap Smear penting kepada wanita?

Kanser Serviks merupakan kanser yang kedua tertinggi di kalangan wanita di Malaysia.

Sekiranya penyakit ini di kesan, sel-sel serviks bertindak secara tidak normal. Keadaan ini bergantung kepada tahap seriusnya penyakit tersebut. Kadangkala ianya akan menunjukkan perubahan sel yang disebabkan oleh jangkitan pada vagina atau serviks. Perubahan ini selalunya akan sembuh sendiri atau dengan rawatan yang betul.

Penyakit ini semakin meningkat dari setahun ke setahun. Sekiranya tidak di kesan dan mendapat rawatan awal ianya akan membawa maut.

Siapakah

yang memerlukan pemeriksaan Pap Smear?


Semua wanita yang aktif atau pernah aktif seks perlu menjalankan pemeriksaan ini. Anda tidak semestinya mendapat tanda-tanda Kanser Serviks sebelum anda melakukan pemeriksaan Pap Smear. Wanita berumur 65 tahun ke atas dinasihatkan untuk menjalankan pemeriksaan ini secara rutin.



Apakah Kanser Serviks?

Serviks ialah pangkal rahim. Rahim merupakan bahagian badan di mana janin berkembang. Serviks berhadapan dengan saluran yang dipanggil faraj. Serviks menghasilkan lembapan kepada vagina dan juga lapisan mukus yang membantu melancarkan perjalanan sperma ke tiub fallopio. Terdapat 2 jenis sel di dalam serviks iaitu sel skuamos dan glandular atau sel endoservikal. Dalam Kanser Serviks; sel-sel pada serviks bertindak secara tidak normal. Sel-sel terus membesar dan membentuk satu benjolan atau tumor. Jika tidak di rawat sel-sel kanser ini boleh merebak ke bahagian lain badan melalui sistem darah dan limfa.

Kanser serviks mengambil masa bertahun-tahun untuk berkembang. Sebelum ia berkembang, perubahan awal berlaku di dalam sel pada permukaan serviks. Ini disebut peringkat pra-kanser.



Apakah tanda-tanda Kanser Serviks?

- ▼ Rasa sakit atau berlaku pendarahan semasa melakukan hubungan seks.
- ▼ Beraku pendarahan dari faraj antara haid.
- ▼ Pendarahan dari faraj selepas putus haid.
- ▼ Beraku lelehan faraj yang berair dan berbau busuk.
- ▼ Sakit pada bahagian pelvis dan berasa letih.
- ▼ Bengkak pada kaki dan sakit belakang.

Apakah yang menyebabkan Kanser Serviks?

Sebab utamanya tidak di ketahui tetapi beberapa faktor di bawah adalah diantara penyumbang kepada penyakit ini.

- ▼ Virus Human Papiloma (HPV) – selalunya di sebarkan melalui hubungan seks.
- ▼ Tabiat seks – memulakan hubungan seks pada usia yang muda atau mempunyai pasangan seks yang ramai.
- ▼ Menghisap tembakau.

Bagaimana Pap Smear dilakukan?

Sejenis alat yang di namakan spekulum akan dimasukkan ke dalam vagina. Selepas itu spatula di gunakan untuk mengambil sel-sel di permukaan serviks dan di letakkan di atas slaid kaca dan di hantar ke makmal untuk di periksa.